

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1997/98**

**SEPTEMBER 1997**

**RMK 251 - Pentadbiran Undang-Undang**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** mukasurat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Ahmad adalah seorang yang kuat merokok. Syarikat Ubat Rejab telah pada bulan Oktober 1996 menyiaraskan iklan dalam majalah 'Kesihatan dan Anda' seperti berikut:-

"Tidak boleh berhenti merokok? Pakar-pakar Ubat Rejab telah berjaya mengeluarkan sejenis bahan yang dapat menghilangkan keinginan merokok yang dinamakan Zat X. Ubat Rejab berjanji akan membayar RM2000/- kepada sesiapa yang masih ketagihan rokok selepas mengambil Zat X mengikut arahan selama 3 bulan".

"Hanya untuk RM90 anda akan bebas dari bayaran rokok".

Pada 1.11.95 Ahmad telah membeli Zat X atas nasihat kawannya dan serta-merta mula mengambil Zat X menurut arahan. Ahmad sama sekali tidak mengetahui tentang iklan tersebut.

Pada 15.12.95, sebuah iklan disiarkan di majalah yang sama seperti berikut:-

"Ubat Rejab telah dimaklumkan oleh pakar penyelidikannya yang Zat X walaupun berkesan bagi kebanyakan pengguna, adalah tidak mujarab bagi sebahagian kecil pengguna yang merupakan perokok kuat. Dengan itu, Ubat Rejab tidak lagi akan melayan apa-apa permohonan di masa hadapan untuk bayaran RM2000/- seperti yang diiklankan sebelum ini".

Ahmad tidak membaca iklan kedua ini. Selepas habis mengambil Zat X, Ahmad dapati ketagihannya tidak diubati dan ingin membuat tuntutan ke atas Ubat Rejab.

Nasihatkan Ahmad.

(25 markah)

2. Syarikat Lim Chin Chai telah selama 2 tahun yang lepas menggunakan servis Pengangkutan Ratnam Sendirian Berhad untuk menghantar barangannya. Di atas setiap invois Ratnam yang diberikan kepada Lim Chin Chai selepas setiap pengangkutan, terdapat seperti berikut:-

- (a) Perkataan "pengangkutan" bererti Ratnam pekerja, agen dan pemberong kecil kepada Ratnam.
- (b) Pengangkutan tidak bertanggungjawab ke atas segala kehilangan atau salah hantar atau kerosakan terhadap barang yang diangkut.
- (c) Pengangkutan berkontrak atas nama pengangkutan dan sebagai agen dan pemegang amanah kepada pemberong-pemberong kecil.

Ah Kau, seorang tuan punya lori dan pemberong kecil kepada Ratnam telah tanpa berhati-hati mengakibatkan kerosakan terhadap barang Lim Chin Chai.

Nasihatkan Lim Chin Chai tentang haknya dalam tuntutannya terhadap Ratnam dan Ah Kau.

(25 markah)

3. (a) Bincangkan perbezaan di antara Undang-Undang Tort dan Undang-Undang Kontrak.

(10 markah)

(b) Apakah yang mesti dibuktikan oleh plaintiff untuk berjaya di dalam tuntutannya akibat daripada kecuaian defendant.

(15 markah)

4. (a) Apakah yang anda faham tentang "remoteness of damage" di dalam kecuaian Undang-Undang Tort.

(10 markah)

- (b) Mahmud dengan cuai telah memandu keretanya sehingga terbalik lalu berlanggar dengan paip air di tepi jalan raya utama. Fatimah, yang mengandung kandungan empat bulan, menyaksikan kejadian itu kerana beliau sedang berjalan di seberang jalan yang bertentangan dengan kejadian itu. Akibat daripada kejadian itu, Fatimah telah mengalami kejutan dan telah keguguran kandungannya.

Nasihatkan Fatimah sama ada beliau boleh menyaman Mahmud akibat kehilangan kandungannya.

(15 markah)

-ooo000ooo-